

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk membersihkan daftar pemilih.

**JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN,  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mewujudkan **Jawatankuasa Dasar Penambahbaikan Daftar Pemilih** di mana jawatankuasa ini bertanggungjawab membuat penelitian yang menyeluruh terhadap isu-isu yang berkaitan dengan urusan pendaftaran pemilih. Jawatankuasa ini juga akan mengenal pasti mekanisme yang sesuai dan terbaik untuk dilaksanakan oleh SPR bagi maksud pengemaskinian dan pembersihan daftar pemilih selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.
  
2. Selain itu, **Jawatankuasa Taskforce SPR dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)** juga telah ditubuhkan bagi tujuan penyelarasan maklumat warganegara berkaitan urusan pendaftaran pemilih khususnya pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik. Di samping itu, jawatankuasa tersebut juga melihat isu-isu berkaitan

pengesahan maklumat warganegara bagi tujuan pembersihan daftar pemilih.

3. SPR **menjalankan urusan pengemaskinian daftar pemilih dari semasa ke semasa** berdasarkan kepada Peraturan 10 dan Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Ini termasuklah **memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia** dan **memotong nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan**.
4. Bagi maksud tersebut, SPR telah membuat pengemaskinian daftar pemilih dengan memotong nama pemilih yang telah meninggal dunia yang meliputi **139,118** nama pemilih pada tahun 2017 dan sebanyak **117,826** nama pemilih pada tahun 2018. Manakala, sehingga 31 Ogos 2019, sebanyak **91,154** nama pemilih yang telah meninggal dunia telah dipotong dari daftar pemilih.
5. Di samping itu, SPR juga telah memotong nama pemilih yang hilang taraf kewarganegaraan yang melibatkan seramai **11,799** rekod. Daripada jumlah tersebut, **4,363** nama pemilih dipotong pada tahun 2017 dan **3,496** nama pemilih dipotong pada tahun 2018. Manakala sehingga 31 Ogos 2019, **3,940** nama pemilih yang hilang taraf kewarganegaraan juga telah dipotong dari daftar pemilih.
6. Pengemaskinian daftar pemilih yang melibatkan pemilih yang telah meninggal dunia dan hilang taraf kewarganegaraan ini adalah berdasarkan kepada maklumat yang diterima daripada JPN.
7. SPR juga meneliti isu-isu berkaitan daftar pemilih seperti isu pemilih berumur 90 tahun dan ke atas, ramai pemilih berdaftar di satu alamat dan isu pesara tentera dan polis yang mengundi sebagai pengundi awal. SPR telah melaksanakan pelbagai usaha menangani isu pemilih berumur 90 tahun dan ke atas dan isu ramai pemilih berdaftar di satu alamat dengan menjelaki mereka di lapangan berdasarkan kepada alamat mereka dan menulis surat untuk mendapatkan pengesahan status mereka.

## NO SOALAN : 1

8. SPR juga berkerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia untuk menangani isu pesara tentera dan polis yang mengundi sebagai pengundi awal. Antara tindakan yang dilaksanakan ialah mengemaskini lokaliti mereka ke lokaliti awam dalam bahagian pilihan raya yang sama untuk memastikan mereka mengundi sebagai pengundi biasa jika berlaku Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya Kecil.
9. Selain itu, SPR juga **melaksanakan kerjasama strategik** dengan jabatan/agensi, NGO dan parti-parti politik khususnya dalam membuat penambahbaikan terhadap daftar pemilih yang disediakan oleh SPR.

Sekian, terima kasih.